

TATACARA PROSEDUR MENGENAI SURAT PELEPASAN

DISEMBER 2023

*Diluluskan dalam Mesyuarat LPBM Bil.3/2023
yang bersidang pada 15 Disember 2023.*

1. Prosedur yang perlu dipatuhi bagi memenuhi keperluan Kod Etika Profesional berkaitan Surat Pelepasan hendaklah terdiri daripada langkah-langkah berikut:
 - i. Perancang Bandar berdaftar kedua dikehendaki mengambil inisiatif untuk menulis kepada Perancang Bandar berdaftar pertama menanyakan sama ada perkhidmatannya telah ditamatkan dengan sempurna dan semua fi tertunggak telah pun dibayar sepenuhnya;
 - ii. Perancang Bandar berdaftar pertama, sebaik sahaja menerima pertanyaan daripada Perancang Bandar berdaftar kedua, hendaklah memberikan jawapan dengan segera dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan surat Perancang Bandar berdaftar kedua itu;
 - iii. Perancang Bandar berdaftar pertama haruslah mengeluarkan Surat Pelepasan jika tiada bayaran yang tertunggak untuk membolehkan Perancang Bandar berdaftar kedua menerima pelantikan;
 - iv. Dalam keadaan di mana Perancang Bandar berdaftar pertama menuntut bahawa terdapat bayaran fi kepada beliau yang masih belum dijelaskan, beliau hendaklah menjawab pertanyaan itu dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan surat berkenaan, yang dikirimkan sama ada melalui pos berdaftar atau kiriman yang direkodkan kepada klien yang disalinkan kepada Perancang Bandar berdaftar kedua untuk memberi nasihat mengenai kedudukan tuntutannya;
 - v. Setelah menerima jawapan daripada Perancang Bandar berdaftar pertama, Perancang Bandar berdaftar kedua hendaklah menasihatkan klien mengenai peruntukan yang relevan berkenaan Kod Etika Profesional;
 - vi. Dalam keadaan di mana jawapan tidak diterima oleh Perancang Bandar berdaftar kedua dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam perenggan ii di atas, perkara tersebut bolehlah dirujuk kepada LPBM yang mempunyai budi bicara khusus untuk mengecualikan keperluan Surat Pelepasan tersebut atau menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum pengecualian tersebut diberikan.
2. Tiada pengetahuan mengenai Pelantikan Perancang Bandar berdaftar lain:
 - i. Dalam keadaan di mana seseorang Perancang Bandar berdaftar, setelah menerima komisen secara ikhlas (*good faith*) dan tanpa mengetahui

sebelumnya bahawa Perancang Bandar berdaftar lain telah terlibat dalam projek itu dan apabila penglibatan seorang Perancang Bandar berdaftar lain itu diketahuinya, beliau hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut:

- a. Memaklumkan kliennya dengan serta merta secara bertulis mengenai keadaan tersebut dan mengenai obligasinya di bawah Kod Etika Profesional ini; dan
 - b. Mematuhi prosedur seperti mana yang diperuntukkan di bawah perenggan 2 di atas.
3. Lembaga boleh menggunakan budi bicaranya untuk mengenepikan kehendak Surat Pelepasan:
- i. Apabila Perancang Bandar berdaftar pertama itu enggan mengeluarkan Surat Pelepasan setelah pelantikannya ditamatkan oleh klien dan semua fi dan bayaran sampingan telah dijelaskan sepenuhnya;
 - ii. Apabila seorang Perancang Bandar berdaftar yang telah dilantik bagi sesebuah projek telah digantung pendaftaran atau namanya telah dikeluarkan daripada Daftar Perancang Bandar berdaftar oleh LPBM atas sebarang sebab. Dengan syarat sentiasa fi dan bayaran sampingan lain yang patut dibayar kepada Perancang Bandar berdaftar itu bagi projek yang berkenaan, sehingga tarikh penggantungan pendaftaran atau pengeluaran namanya daripada Daftar, telah dibayar kepada Perancang Bandar berdaftar tersebut. Sekiranya pertikaian timbul sama ada mengenai jumlah atau kesahihan tuntutan Perancang Bandar berdaftar itu, perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada LPBM untuk penyelesaian melalui timbang tara; dan
 - iii. Apabila Perancang Bandar berdaftar meninggal dunia atau tidak berkeupayaan atau perkhidmatan profesional perancangan bandar tiada keupayaan dari segi undang-undang untuk meneruskan perkhidmatan dan tanggungjawabnya.